Banyak boleh dipelajari dari China – Hishammuddin

UM - 21/5/2007

BEIJING 20 Mei – Meneruskan usaha untuk mengantarabangsakan sistem pelajaran Malaysia, Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, lawatannya ke China adalah bagi menggerakkan inisiatif itu.

Dengan hubungan baik Malaysia-China, beliau berkata, telah tiba masanya untuk negara meluaskan kerjasama dalam bidang pendidikan dengan China bagi membolehkan Malaysia mengadaptasi cara pelaksanaan terbaik yang telah menjayakan pembangunan negara itu.

"Itulah sebabnya kenapa saya di sini untuk belajar," katanya sambil menyebut peribahasa yang menyuruh umat Islam menuntut ilmu sehingga ke negeri China.

Hishammuddin yang tiba pada Sabtu untuk lawatan seminggu ke China, bercakap mengenai lawatannya itu semasa pertemuan dengan masyarakat Malaysia di China di Kedutaan Malaysia di sini, malam tadi.

Telah tiba masanya untuk negara meluaskan kerjasama dalam bidang pendidikan dengan China bagi membolehkan Malaysia mengadaptasi cara pelaksanaan terbaik yang telah menjayakan pembangunan negara itu

HISHAMMUDDIN HUSSEIN
Menteri Pelajaran

Lawatan rasminya bermula esok dengan melawat sekolah pendidikan khas Beijing Dongcheng dan Sekolah Tinggi Eksperimental di Beijing Normal University pada sebelah pagi.

Pada sebelah petang, beliau akan melawat Beijing Foreign Studies University yang menawarkan pengajian 36 bahasa dan dianggap sebagai antara universiti terbaik yang menawarkan pelbagai bahasa asing.

Pada Selasa, beliau akan melawat Sekolah Parti Komunis China dan ke Universiti Peking sebelum menamatkan program hari itu di Sekolah Sukan Shichahai.

Hishammuddin akan melawat sekolah muzik dan mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya Zhou Ji pada Rabu.

"Anda dapat lihat pertumbuhan yang amat pesat di Beijing, ia sungguh menakjubkan," kata menteri itu yang telah melawat Perancis, Switzerland, Indonesia dan Thailand dalam masa empat minggu lepas bagi membincangkan pelbagai perkara berkaitan pelajaran.

"Sesetengah perkara yang saya akan bincang dengan rakan sejawatan saya di sini ialah bagaimana mereka mengekalkan pertumbuhan itu tanpa menjejaskan identiti dan kekuatan mereka," katanya.

– **Bernama**